

TARIKH	ISNIN, 12 OGOS 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	100 METEOR LINTASI LANGIT MALAYSIA MALAM 12 OGOS
M/S	6
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	SCIENCE AND TECHNOLOGY

100 meteor lintasi langit Malaysia malam 12 Ogos

PUTRAJAYA: Para peminat sains astronomi tempatan berpeluang menyaksikan sendiri fenomena angkasa unik dikenali sebagai Hujan Meteor Perseid pada malam esok.

Menurut Agensi Angkasa Malaysia (Mysa) yang dihubungi, kejadian dijangka berterusan sehingga subuh 13 Ogos dengan purata 100 meteor per jam melintasi langit negara ini.

"Kenampakan hujan meteor ini di Malaysia malah diramalkan adalah baik kerana bulan akan terbenam tengah malam semasa waktu kemuncak fenomena ini berlaku," katanya.

Agensi berkenaan turut memaklumkan bahawa titik kemunculan pancuran meteor itu di langit kelazimannya dari arah buruj Perseus namun ia masih boleh berlaku pelbagai arah.

Lokasi buruj itu, ujarnya, terletak di kawasan langit sebelah Utara bumi sebelum hujan ini berpecah kepada banyak arah lain dengan fenomena tersebut biasa terjadi setiap tahun.

Hujan itu muncul secara rutin apabila bumi beredar mengelilingi matahari dan planet ini perlu merentasi laluan orbit Komet Swift-Tuttle yang nukleusnya berdiameter 26 kilometer.

Jasad samawi bintang berekor asap itu kelazimannya mengambil masa selama 133 tahun melengkapkan satu pusingan orbit dan kali terakhir pernah mendekati bumi pada 1992.

"Komet ini diramalkan menghampiri bumi sekali lagi pada tahun 2126 namun ia sering mengorbit mendekati matahari yang menyebabkan debu-debunya dibebaskan," jelas Mysa.

Keadaan tersebut ekoran proses pemejalwaan yang kemudian berserakan membentuk laluan dipenuhi sisa komet berkenaan dan akhirnya debu memasuki atmosfera bumi pula.

DISEDIAKAN
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM